

Headline	Tambah baik landskap ibu kota		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	22	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	HIDAYAH HAIROM	AdValue	RM 1,815
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,445



Tambah baik landskap ibu kota

DBKL, FRIM jalin kerjasama perhebat usaha hijaukan Kuala Lumpur

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melangkah setapak lagi dalam meningkatkan keberkesanan pembangunan landskap ke arah mencapai impian 'World Class Maintenance' dengan memeterai perjanjian memorandum persefahaman (MOU) bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, berkata, MOU itu permulaan ke arah menghijaukan Kuala Lumpur seperti dilaksanakan Greater KL.

Menurutnya, MOU itu akan memberi nilai tambah kepada taman awam di ibu kota dari segi pengurusan dan penyelenggaraan termasuklah dalam kategori taman botanikal, taman koleksi khas dan taman rekreasi awam.

"Keberkesanan pengurusan hutan bandar di ibu negara juga akan dipertingkatkan termasuk dari segi pengurusan pokok rendang serta pengurusan landskap bandar.

"Ini secara tidak langsung menggalakkan pertukaran idea dan pengetahuan melalui kaedah serta teknologi terkini dalam pengurusan taman dan hutan bandar," katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara DBKL dan FRIM di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Adnan Md Ikshan dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohamad.

Ahmad Phesal berkata, perjanjian yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun itu melibatkan dua skop utama iaitu pengurusan taman dan hutan bandar.

"Pengurusan taman merangkumi tiga kategori Taman Botanikal (Taman Botani Perdana), Taman Koleksi Khas (Taman Dusun Bandar, Taman Rimba Bukit Kerinchi) dan Taman Rekreasi Awam (Taman Tasik Titiwangsa, Taman Metropolitan Kepong

dan lain-lain).

"Pengurusan hutan bandar pula merangkumi dua kategori iaitu pengurusan pokok rendang dan pengurusan landskap bandar," katanya.

Sementara itu, Abd Latif, berkata, FRIM fokus membantu DBKL memperkayakan lagi pelbagai tanaman terutamanya pokok hutan yang sesuai ditanam di kawasan terpilih di bandar.

Menurutnya, usaha itu akan menjadikan landskap DBKL lebih unik dengan menonjolkan lebih banyak pokok tempatan.

"Mengatasi pokok kurang subur juga satu isu yang kita akan cuba atasi dalam kerjasama ini antaranya menerusi kajian dan perawatan tanah kerana banyak taman DBKL adalah tanah terganggu serta kawasan bekas lombong.

"Kita akan gunakan kepakaran membaik pulih tanah bagi memastikan kejayaan program penanaman di kawasan taman bermasalah di DBKL dengan melaksanakan satu atau dua projek perintis," katanya.



Ahmad Phesal dan Abd Latif bersama berjabat tangan pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara DBKL dan FRIM, di ibu negara, semalam.